



NTU dan SMI merasmikan pusat kajian bernilai S\$15 juta yang bertujuan untuk mewujudkan huraian mampan bagi industri maritim. (Gambar: NTU Singapore)

NTU
NTU

NTU, SMI lancar pusat kajian S\$15 juta bagi hasilkan huraian maritim mampan

1/11/2017 9:09 Update: 1/11/2017 9:14

A A+

SINGAPURA: Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Institut Maritim Singapura (SMI) pada Selasa (31 Okt) merasmikan pusat kajian bernilai S\$15 juta yang bertujuan untuk mewujudkan huraian mampan bagi industri maritim.

Dalam kenyataan media bersama, kedua-dua institut itu mendedahkan Pusat Kecemerlangan Tenaga Maritim dan Pembangunan Mampan (MESD) akan memberi tumpuan kepada tiga bidang utama: pengurusan tenaga, pengurusan pengeluaran dan operasi maritim mampan.

Ia akan, sebagai contoh, bekerjasama dalam projek bersama untuk menghasilkan inovasi bagi mengurangkan pengeluaran gas kapal yang berbahaya dan membantu syarikat perkapalan mengikuti arus perubahan yang dijangka bagi peraturan maritim antarabangsa.

Apabila ia mula beroperasi menjelang hujung tahun ini, pusat tersebut akan bekerjasama dengan syarikat-syarikat bagi memastikan kajian dan teknologi memenuhi tuntutan industri, dedahnya.

Pendanaan bagi pusat MESD akan dihulurkan secara bersama oleh NTU dan SMI, yang masing-masing akan menyumbangkan S\$4 juta dan sehingga S\$10 juta. S\$1 juta lagi akan disumbangkan oleh rakan industri NTU.

MESD adalah pusat kajian maritim yang pertama disokong oleh SMI "sebagai sebahagian daripada usahanya bagi mengukuhkan keupayaan kajiannya sementara membangunkan kumpulan pengkaji maritim bermutu bagi jangka panjang di Singapura."

Pengarah eksekutif SMI Toh Ah Cheong berkata: "Sedang kami membina Pelabuhan Generasi Selanjutnya di Tuas, ia membuka peluang baru kepada kami untuk meneroka sumber tenaga alternatif yang lebih bersih untuk digunakan dalam pelabuhan kami dan kegiatan di sekitar pelabuhan itu."

"Salah satu tunjang utama bagi Pelabuhan Tuas adalah untuk mencapai tahap kemampunan persekitaran lebih tinggi bagi meliputi pelabuhan, peralatannya, mobiliti dan kegiatan sokongan seperti logistik dan pergudangan, dedah Encik Toh.

Lembaga tadbir urus MESD akan dipengerusikan oleh Profesor Lam Khin Yong dari NTU dan termasuk beberapa anggota dari pihak-pihak bekepentingan seperti Pengguna Maritim dan Pelabuhan Singapura, SMI dan rakan-rakan industri.

Pusat tersebut juga akan diterajui oleh Profesor Madys Jasmine Lam dari NTU serta peneraju bersamanya Profesor Chan Siew Hwa dan Encik Koh Eng Kiong.

- CNA/IM/im
